

D273

B B874 DEB
MAHATHIR - FIRMA R R R

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENJELASKAN BAHAWA KEPUTUSAN KABINET UNTUK MEMBANTU FIRMA-FIRMA YANG DAHULUNYA MAJU TETAPI KINI MENGHADAPI MASALAH BUKAN BERTUJUAN MENOLONG ORANG-ORANG YANG SUDAH KAYA.

SEBALIKNYA USAHA KERAJAAN ITU BERTUJUAN MEMASTIKAN MASA DEPAN PARA PEKERJA TERUS TERJAMIN, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENJELASKAN DEMIKIAN KETIKA MENOLAK DAKWAAN DAN SALAHANGGAPAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA KEPUTUSAN KERAJAAN ITU BERTUJUAN MENOLONG ORANG-ORANG YANG SUDAH KAYA.

KEPUTUSAN ITU DIBUAT SEMASA MESYUARAT MINGGUAN KABINET MINGGU LEPAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENARIK PERHATIAN BAHAWA FIRMA-FIRMA ITU ADALAH SYARIKAT-SYARIKAT YANG BESAR YANG MEMPUNYAI RAMAI PEKERJA. -- LAGI.

1756MST 06 06 86

D274

B B875 DEB
MAHATHIR - FIRMA 2 KUALA LUMPUR R R R

SEKIRANYA SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN MENGALAMI KERUGIAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI DAN TIDAK DIBANTU, ADA KEMUNGKINAN BESAR RAMAI PEKERJA AKAN HILANG PEKERJAAN DAN INI TENTUNYA MENIMBULKAN MASALAH KEPADA KERAJAAN.

+UNTUK MENGELAKKAN MASALAH SEUMPAMA ITU BERLAKU, MAKA KERAJAAN PERLU MEMBANTU SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGHADAPI MASALAH, BUKAN UNTUK MENOLONG ORANG-ORANG KAYA TETAPI UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN PARA PEKERJANYA,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

APABILA SYARIKAT-SYARIKAT ITU MAJU KELAK, 40 PERATUS DARIPADA KEUNTUNGANNYA AKAN MENJADI HASIL KERAJAAN YANG AKAN DIBELANJAKAN PULA ANTARA LAIN UNTUK MEMBAYAR GAJI KAKITANGANNYA, TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1758MST 06 06 86